

MAHATHIR
(1)

DARI HASHIM MAKARUDDIN
1983

ANKARA, 13 MEI (BERNAMA)--PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA USAHA MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA TURKI DAN MALAYSIA AKAN MENYUMBANG KEPADA PERPADUAN DI KALANGAN NEGARA ISLAM DAN UMMAH.

BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MALAM YANG DIBERIKAN OLEH PERDANA MENTERI TURKI ENCIK BULEND ULUSU BAGI MERAIKANNYA DI SINI MALAM TADI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA JUGA AKAN MENGUATKAN PERANAN PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) DALAM MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMATNYA.

BELIAU TIBA DI SINI PADA SEBELAH PETANG DARI BELGRADE UNTUK LAWATAN RASMI LIMA HARI ATAS UNDANGAN KERAJAAN TURKI. BELIAU MERUPAKAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KEDUA SELEPAS TUN HUSSEIN ONN YANG MELAWAT NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJAK HUBUNGAN DIPLOMATIK DIADAKAN PADA TAHUN 1958, HUBUNGAN RAPAT ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DICERMINKAN MELALUI KERJASAMA DALAM BIDANG SOSIAL, TEKNIK DAN KEBUDAYAAN.

PERTUKARAN LAWATAN ANTARA PEMIMPIN KEDUA-DUA NEGARA TELAH MENOLONG MENGUKUHKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DAN TURKI, KATANYA. --LAGI 0857/MD

NNNN

ICIC B510
MAHATHIR 2 ANKARA

BELIAU GEMBIRA HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DAPAT DITINGKATKAN, LEBIH-LEBIH LAGI MEMANDANGKAN KEDUA-DUANYA BERKONGSI PERTALIAN DALAM ISLAM DAN KEBUDAYAANNYA.

HUBUNGAN ITU TELAH DIPERKUKUHKAN OLEH PERLIBATAN KEDUA-DUA NEGARA KEPADA ASPIRASI BANGSA-BANGSA BERSATU DAN OIC, KATANYA.

+KITA JUGA BERKONGSI PENDAPAT MENGENAI BANYAK ISU SERANTAU DAN ANTARABANGSA, KHSUSUNYA YANG MENGHADAPI NEGARA ISLAM DAN RAKYATNYA, + TAMBAHNYA.

ENCIK ULUSU DALAM UCAPANNYA BERKATA KERAJAAN TURKI MEMENTINGKAN HUBUNGAN LANGSUNG ANTARA RAKYAT KEDUA-DUA NEGARA.

BELIAU GEMBIRA KEDUA-DUA NEGARA MEMPUNYAI PERSAMAAN DALAM PRINSIP ASAS DASAR LUAR SEPERTI MANA YANG DICERMINKAN DALAM PELBAGAI ISU ANTARABANGSA DAN TELAH BEKERJASAMA SECARA MEMBINA DI SEMUA FORUM ANTARABANGSA, TERUTAMA DI OIC.

TURKI, KATANYA, MENYOKONG PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI POLITIK DUNIA, KHASNYA KEAZMANNYA MENJADIKAN ASIA TENGGARA KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI. --LAGI 0902/MD

MAHATHIR 3 ANKARA

BELIAU BERKATA TURKI MENGIKUTI DENGAN BANGGANYA KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH MALAYSIA DALAM DAN LUAR NEGERI.

TERDAHULU ITU, KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DI SINI TELAH DISAMBUT OLEH ENCIK ULUSU DAN DUTA MALAYSIA KE TURKI DATUK ISMAIL AMBIA.

BELIAU MEMERIKSA BARISAN KEHORMATAN DAN SETELAH DIPERKENALKAN KEPADA ORANG-ORANG KENAMAAN TURKI DAN PARA PEGAWAI KEDUTAAN MALAYSIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BERTOLAK KE RUMAH TETAMU KERAJAAN.

BELIAU KEMUDIAN MENGUNJUNGI ENCIK ULUSU DI PEJABATNYA.

HARI INI, BELIAU AKAN MELETAKKAN ALUNGAN BUNGA DI MAKAM ATATURK, TUGU PERINGATAN MUSTAFA KAMAL YANG DIKENALI OLEH RAKYAT TURKI SEBAGAI BAPA TURKI MODEN. --LAGI 0905/MD

MINTRA

ZCZC 0512

MAHATHIR 4 ANKARA

BELIAU AKAN MENGADAKAN RUNDINGAN RASMI DENGAN ENCIK ULUSU DAN KEMUDIAN MENYAKSIKAN PENANDATANGANAN PERJANJIAN PERKHIDMATAN UDARA DAN PERTUKARAN SURAT BAGI SOKONGAN TURKI KEPADA PENUEHUAN UNIVERSITI ISLAM DI MALAYSIA DAN PERJANJIAN PROTOKOL MENGENAI KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI TEKNIK TIMUR TENGAH DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN MENUNAIKAN FARDHU JUMAAT DI MASJID HJI BAYRAM DI SINI DAN KEMUDIAN MELAWAT KILANG SENJATA DAN PELURU DI KIRIKKALE DEKAT SINI. --BERNAMA 0910/MD